

Hadi sokong Najib kekal PM

» *Presiden PAS
anggap desakan
letak jawatan
bercanggah
amalan
demokrasi*

Oleh **Baharom Bakar**
bhkt@bh.com.my

► **Kuala Terengganu**

Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang meminta Datuk Seri Najib Razak tidak berundur, sebaliknya terus mengekalkan jawatannya sebagai Perdana Menteri, walaupun berdepan pelbagai tekanan terutama mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Lembaga Tabung Haji (TH).

Katanya, Najib tidak perlu tunduk dengan desakan, terutama daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan semua pihak sepatutnya perlu memberi peluang kepada Presiden UMNO itu untuk menyelesaikannya.

“Ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, pelbagai masalah berlaku, termasuk isu kerugian dialami Perwaja. Dia juga didesak meletak jawatan. Begitu juga dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi terpaksa meletak jawatan disebabkan menghadapi isu ciptaan manusia dan kini kena pula giliran Najib.

“Kaedah mendesak letak jawatan apabila berlakunya se-



Hadi ketika ditemui media selepas menghadiri **Sidang Dewan Undangan Negeri Ke-13** di Wisma Darul Iman, semalam.

[FOTO ASWADI ALIAS/BH]

suatu isu adalah budaya politik yang amat jijik dan memalukan serta menampakkan ahli parti tidak patuh kepada amalan demokrasi.

“Sebelum mengaibkan dan membongkarkan kesalahan yang belum tentu betul atau sebaliknya dan mendesak agar meletak jawatan, kita kena tengok diri kita ketika menjadi pemimpin, adakah kita bebas dengan isu,” katanya ketika ditemui di luar sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Penggal Ke-13, di sini, semalam.

Hadi berkata Najib tak perlu tunduk dengan desakan, sebaliknya cuba selesaikan masalah yang berbangkit.

“Jika Najib betul-betul melakukan kesilapan, beri dia pe-

luang untuk betulkan dan mengambil tanggungjawab.

Bersama baiki kesilapan

“Apakah isu dibangkit itu akan selesai jika Najib berundur? Sepatutnya semua kepimpinan kerajaan Pusat dan pemimpin parti menggunakan pendekatan memberi peluang membaiki dan bersama menyelesaikan kesilapan.

“Saya anggap isu dibangkitkan Dr Mahathir macam tengok wayang gambar hitam putihlah, selain mengulangi senario lama,” katanya.

Hadi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rhu Rendang berkata, Mahathir sepatutnya tidak perlu menuding jari menyalahkan sesiapa, biar

rakyat tentukan nasib Najib pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang kerana ketika dia menjadi Perdana Menteri pun berlaku juga masalah.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, berkata kepimpinan tertinggi UMNO Terengganu akan memberi sokongan penuh kepada Najib dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam menyelesaikan isu 1MDB, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta TH.

Katanya, beliau bersama barisan Majlis Tertinggi (MT) juga menawarkan diri untuk membantu Najib dan Muhyiddin dalam menyelesaikan isu itu.